

PROSES BAYARAN BALIK TERUS DIPERTINGKATKAN MELIBATKAN 13,111 KES BERJUMLAH RM 1 BILLION

CYBERJAYA, 24 Disember 2025 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan perkembangan terkini berhubung pelaksanaan bayaran balik lebihan cukai susulan peruntukan tambahan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri.

Sebagai rekod, sehingga **22 Disember 2025**, HASiL telah memproses bayaran balik cukai berjumlah **RM18 bilion** dan melibatkan **3,542,859 kes** seperti pecahan berikut:

Bil.	Tempoh	Amaun (RM)	Bilangan Kes
1.	1 Januari – 8 Disember 2025	15 bilion	3,521,929
2.	9 – 15 Disember 2025	1 bilion (Tambahan)	6,480
3.	16 – 18 Disember 2025	1 bilion (Tambahan)	1,339
4.	19 – 22 Disember 2025	1 bilion (Tambahan)	13,111

Daripada peruntukan tambahan berjumlah RM4 bilion yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, sebanyak **RM3 bilion telah diproses dan dikreditkan dalam tempoh 9 hingga 22 Disember 2025 yang melibatkan 20,930 kes**. Baki RM1 bilion peruntukan tambahan akan diproses dan diselesaikan sebelum akhir Disember 2025.

Dana tambahan RM1 bilion pertama yang diperuntukkan telah berjaya menyelesaikan tunggakan bayaran balik yang berusia melebihi tiga (3) tahun tanpa mengambil kira jumlah yang terlibat, manakala dana RM2 bilion berikutnya telah selesai diproses untuk dikreditkan kepada pembayar cukai yang mempunyai amaun bayaran balik yang berusia dua (2) ke tiga (3) tahun dengan tumpuan diberikan kepada syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

HASiL juga ingin menasihatkan pembayar cukai supaya mengemas kini dan memastikan maklumat akaun bank yang dilaporkan kepada HASiL adalah tepat dan terkini bagi membolehkan proses bayaran balik dilaksanakan dengan lebih lancar. Ini kerana terdapat sebahagian bayaran balik tidak dapat diproses atas sebab kesilapan atau ketiadaan akaun bank yang betul. Selanjutnya juga, tiada bayaran balik dapat diproses kerana melibatkan pertikaian kes mahkamah, pembayar cukai mempunyai tunggakan bagi tahun taksiran lain dan syarikat yang layak menerima bayaran telah digulung atau dibubarkan.

HASiL akan terus memastikan bayaran balik diselesaikan secara teratur dan berperingkat mengikut keutamaan jumlah bayaran balik dan keutamaan turut diberikan kepada amaun tertunggak yang melibatkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) HASiL Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);

- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

RISE **BEYOND** LIMITS

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

HASiL Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 24 Disember 2025